Sesuatu hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf selepas dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi dijangkakan dari penggunaan atau pelupusannya. Sekiranya ada, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa bersih diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

d. Pelaburan hartanah

Hartanah pelaburan yang dipegang untuk memperolehi sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, dinyatakan pada harga kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Susutnilai bagi hartanah pelaburan diperuntukan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaan.

Kadar susutnilai yang digunakan adalah seperti berikut:-

Bangunan	<u>Kadar</u> 2%
----------	--------------------

e. Aset kewangan

j) Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai.

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

e. Aset kewangan (sambungan)

ii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

iii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

iv) Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir tempoh setiap pelaporan, Koperasi menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor.
- pelanggaran kontrak.
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

e. Aset kewangan (sambungan)

iv) Rosotnilai Aset Kewangan (sambungan)

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosotnilai, amaun kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Koperasi akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

v) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau Koperasi memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

f. Tunai dan kesetaraan tunai

Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank, pelaburan tetap tidak bercagar dan pelaburan berkecairan tinggi yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

g. Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktiraf apabila berkemungkinan bahawa faedah ekonomi berkaitan dengan urusan niaga akan mengalir masuk kepada Koperasi dan jumlah pendapatan boleh dikira secara munasabah.

i. Keuntungan dari aktiviti sewaan hartanah.

Pengiktirafan keuntungan atas aktiviti sewaan mengikut asas akruan.

ii. Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak menerimanya telah ditentukan.

iii. Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf mengikut asas akruan

h. Manfaat pekerja

i. Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkenaan diberi oleh pekerja Koperasi. Cuti berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh pekerja yang meningkatkan hak mereka kepada cuti berbayar di masa hadapan, dan cuti berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila cuti berlaku.

ii. Rancangan caruman tertentu

Seperti yang termaktub di dalam undang-undang, Koperasi-koperasi di Malaysia perlu membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman berkenaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila berlaku.

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

i. Percukaian

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan yang dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan tahun semasa yang boleh dicukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti. Mengikut prinsip, cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna setakat mana keuntungan boleh dicukai untuk digunakan atas perbezaan sementara yang boleh dipotong, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam sesuatu transaksi yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak mengakibatkan perubahan kepada keuntungan perakaunan dan juga keuntungan bercukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berasaskan kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan termasuk dalam untung atau rugi bagi tempoh kecuali jika ia timbul dari urusniaga yang diiktiraf secara langsung diekuiti, dimana cukai tertunda itu juga dikenakan atau dikreditkan secara langsung di ekuiti, atau jika ia timbul dari kombinasi perniagaan secara pengambilalihan, cukai tertunda itu di masukkan ke dalam muhibah atau sebarang lebihan kepentingan sipengambil dalam nilai saksama aset-aset, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luar jangka Koperasi yang diambilalih yang dikenalpasti ke atas kos pengambilalihan.

j. Peruntukan bagi liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Koperasi mempunyai obligasi semasa akibat daripada peristiwa yang lepas dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, dan anggaran munasabah jumlah boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh kunci kira-kira dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran semasa terbaik. Sekiranya kesan daripada nilai wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan dijangka yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi.

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

k. Penjejasan aset

Nilai dibawa bagi aset adalah dinilai untuk tujuan penjejasan apabila terdapat indikasi aset mungkin terjejas. Penjejasan diukur dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh didapati semula. Amaun boleh didapati semula adalah lebih tinggi dari harga jualan bersih aset dan nilai gunanya, yang mana ia diukur dengan nilai aliran tunai diskaun masa depan. Amaun boleh didapati dianggap untuk setiap aset, dan jika munasabah, untuk unit tunai dijana.

Rugi penjejasan dicaj ke penyata kewangan pendapatan serta merta kecuali jika aset dibawa pada amaun nilai semula. Sebarang rugi penjejasan bagi aset dinilai dianggap sebagai pengurangan penilaian di mana lebihan penilaian sebelum bagi aset yang sama. Peningkatan susulan pada amaun aset diterima adalah sebagai penarikbalikan rugi terjejas sebelum dan diiktiraf sehingga ke amaun dibawa aset yang boleh ditentukan (pelupusan dan pelunasan bersih) tidak mempunyai rugi terjejas diiktiraf. Penarikbalikan diiktiraf di penyata pendapatan serta merta kecuali jika aset di bawa pada amaun penilaian. Pembalikan rugi terjejas pada aset penilaian dicaj terus ke lebihan penilaian.

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Kos		
	Pada 1.1.2025 RM	Tambahan RM	Pada 31.12.2025 RM
	Dinyatakan semula		
Kelengkapan pejabat	10,162	-	10,162
Komputer	15,338	-	15,338
Aset-aset lain	11,390	-	11,390
	<u>36,890</u>	<u>-</u>	<u>36,890</u>
	Susutnilai terkumpul		
	Pada 1.1.2025 RM	Susutnilai semasa RM	Pada 31.12.2025 RM
	Dinyatakan semula		
Kelengkapan pejabat	10,160	-	10,160
Komputer	15,337	-	15,337
Aset-aset lain	8,988	1,051	10,039
	<u>34,485</u>	<u>1,051</u>	<u>35,536</u>
	Nilai bawaan		
	Pada 31.12.2025 RM	Pada 31.12.2024 RM	
	Dinyatakan semula		
Kelengkapan pejabat	2	2	
Komputer	1	1	
Aset-aset lain	1,351	2,402	
	<u>1,354</u>	<u>2,405</u>	

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

4. PELABURAN DALAM SYER TAK SIAR HARGA

	2025 RM	2024 RM
Koperasi GAKUB Berhad	100	100
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	<u>175,487</u>	<u>175,487</u>
	<u><u>175,587</u></u>	<u><u>175,587</u></u>

5. PELABURAN HARTANAH

	Pada 1.1.2025 RM	Kos Tambahhan RM	Pada 31.12.2025 RM
	Dinyatakan semula		
Bangunan	5,616,256	-	5,616,256
Bangunan dalam pelaksanaan	115,620	-	115,620
Tanah	<u>1,856,315</u>	-	<u>1,856,315</u>
	<u>7,588,191</u>	<u>-</u>	<u>7,588,191</u>

	Pada 1.1.2025 RM	Susutnilai terkumpul Susutnilai semasa RM	Pada 31.12.2025 RM
	Dinyatakan semula		
Bangunan	<u>1,318,810</u>	<u>112,325</u>	<u>1,431,135</u>
	<u>1,318,810</u>	<u>112,325</u>	<u>1,431,135</u>

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

5. PELABURAN HARTANAH (SAMBUNGAN)

	Nilai bawaan	
	Pada 31.12.2025 RM	Pada 31.12.2024 RM
		Dinyatakan semula
Bangunan	4,185,121	4,297,446
Bangunan dalam pelaksanaan	115,620	115,620
Tanah	1,856,315	1,856,315
	6,157,056	6,269,381

6. AKAUN DEPOSIT KOPERASI

	2025 RM	2024 RM
Baki pada awal tahun	152,422	111,536
Campur: Tambahan dalam tahun	36,140	40,886
	188,562	152,422
Tolak: Kurang dalam tahun	-	-
Baki pada akhir tahun	188,562	152,422

Koperasi telah diarahkan memindahkan caruman semasa KWRS bermula tahun kewangan 2018 ke dalam Akaun Deposit Koperasi (ADK) selaras dengan arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2019: Arahan Mendeposit Ke Dalam ADK bertarikh 12 Ogos 2019.

7. PENGHUTANG SEWAAN

	2025 RM	2024 RM
Penghutang Sewaan	168,087	216,351
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(87,830)	(38,050)
	80,257	178,301

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

8. PELBAGAI PENGHUTANG DAN DEPOSIT

		Dinyatakan semula
Deposit Tenaga Nasional Berhad	13,299	13,299
Deposit Jabatan Bekalan Air	4,640	4,640
Deposit Pinjaman Bank	5,112	5,112
Dividen Bank Rakyat terakru	30,705	26,323
	53,756	49,374

9. ASET KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

	2025 RM	2024 RM
<u>Deposit tetap di:</u>		
Bank Kerjasama Rakyat Berhad	164,255	159,926
	164,255	159,926

10. SIMPANAN TETAP

	2025 RM	2024 RM
<u>Simpanan tetap di:</u>		
Bank Kerjasama Rakyat Berhad	137,413	133,751
	137,413	133,751

Kadar faedah deposit tetap adalah 2.30% hingga 2.35% (2024: 2.30% hingga 2.35%) setahun dan mempunyai tempoh matang dari 3 hingga 6 bulan.

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

11. WANG DI BANK

	2025 RM	2024 RM
Bank Islam Malaysia Berhad	212,615	118,026
Bank Kerjasama Rakyat Berhad	34,665	37,916
Co-Opbank Pertama	100	-
	<u>247,380</u>	<u>155,942</u>

12. MODAL SYER ANGGOTA

	Bil. Anggota	2025 RM	2024 RM
Baki pada awal tahun	441	3,362,091	3,289,840
Campur: Tambahan dalam tahunan	8	360,729	424,380
	<u>449</u>	<u>3,722,820</u>	<u>3,714,220</u>
Tolak: Pengeluaran dalam tahun	-	(197,791)	(352,129)
Baki pada akhir tahun	<u>449</u>	<u>3,525,029</u>	<u>3,362,091</u>

13. KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

	2025 RM	2024 RM
Baki pada awal tahun	387,191	346,305
Campur: Pindahan daripada akaun pembahagian berkanun	36,120	40,886
Baki pada akhir tahun	<u>423,311</u>	<u>387,191</u>

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

14. PINJAMAN JANGKA PANJANG

	2025 RM	2024 RM
Pinjaman Dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia		
1) Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2		
Baki pada awal tahun	34,296	522,000
Campur: Pinjaman diberi dalam tahun	-	-
	34,296	522,000
Campur: Faedah yang didebitkan ke akaun untung rugi	288	79,775
	34,584	601,775
Tolak: Bayaran dalam tahun	(34,584)	(585,965)
Baki pada akhir tahun	-	15,810
Bayaran balik pinjaman yang akan diterima dalam tempoh 12 bulan	-	15,810
Bayaran balik pinjaman yang akan diterima dalam tempoh melebihi 12 bulan	-	-

Koperasi telah menerima pembiayaan sebanyak RM522,000 Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk membiayai pembelian seunit kedai 2 1/2 Tingkat di Sri Bangi, Bandar Baru Bangi.

Tempoh pembiayaan selama 174 bulan.

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

14. PINJAMAN JANGKA PANJANG (SAMBUNGAN)

	2025 RM	2024 RM
2) Suruhanjaya Koperasi Malaysia 3		
Baki pada awal tahun	1,075,124	1,980,000
Campur: Pinjaman diberi dalam tahun	<u>-</u>	<u>-</u>
	1,075,124	1,980,000
Campur: Faedah yang didebitkan ke akaun untung rugi	<u>22,722</u>	<u>456,437</u>
	1,097,846	2,436,437
Tolak: Bayaran dalam tahun	<u>(132,991)</u>	<u>(1,286,927)</u>
Baki pada akhir tahun	<u>964,855</u>	<u>1,149,510</u>
Bayaran balik pinjaman yang akan diterima dalam tempoh 12 bulan	<u>132,991</u>	<u>132,991</u>
Bayaran balik pinjaman yang akan diterima dalam tempoh melebihi 12 bulan	<u>831,864</u>	<u>1,016,519</u>

Koperasi telah menerima pembiayaan sebanyak RM2,200,000 Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk membiayai pembelian seunit kedai 4 Tingkat di Bandar Baru Bangi.

Tempoh pembiayaan selama 237 bulan dengan kadar faedah 3%.

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

14. PINJAMAN JANGKA PANJANG (SAMBUNGAN)

	2025 RM	2024 RM
3) Suruhanjaya Koperasi Malaysia 4		
Baki pada awal tahun	1,344,871	1,370,304
Campur: Pinjaman diberi dalam tahun	<u>-</u>	<u>-</u>
	1,344,871	1,370,304
Campur: Faedah yang didebitkan ke akaun untung rugi	<u>26,493</u>	<u>15,860</u>
	1,371,364	1,386,164
Tolak: Bayaran dalam tahun	<u>(70,798)</u>	<u>(41,297)</u>
Baki pada akhir tahun	<u>1,300,566</u>	<u>1,344,867</u>
Bayaran balik pinjaman yang akan diterima dalam tempoh 12 bulan	<u>70,794</u>	<u>70,794</u>
Bayaran balik pinjaman yang akan diterima dalam tempoh melebihi 12 bulan	<u>1,229,772</u>	<u>1,274,073</u>

Koperasi telah menerima pembiayaan sebanyak RM1,370,304 Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk membiayai pembelian seunit bangunan di Dengkil, Selangor Darul Ehsan.

Tempoh pembiayaan selama 240 bulan.

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

14. PINJAMAN JANGKA PANJANG (SAMBUNGAN)

	2025 RM	2024 RM
Pinjaman Dari Institusi Kewangan		
1) Bank Islam Malaysia Berhad		
Baki pada awal tahun	506,510	1,000,000
Campur: Pinjaman diberi dalam tahun	-	-
	506,510	1,000,000
Campur: Faedah yang didebitkan ke akaun untung rugi	23,217	417,230
	529,727	1,417,230
Tolak: Bayaran dalam tahun	(78,118)	(937,803)
Baki pada akhir tahun	451,609	479,427
Bayaran balik pinjaman yang akan diterima dalam tempoh 12 bulan	78,118	70,648
Bayaran balik pinjaman yang akan diterima dalam tempoh melebihi 12 bulan	373,491	408,779

Koperasi telah membuat pembiayaan semula sebanyak RM 1,000,000 dari Bank Islam Malaysia Berhad

Tempoh pembiayaan selama 240 bulan.

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

14. PINJAMAN JANGKA PANJANG (SAMBUNGAN)

	2025 RM	2024 RM
2) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad		
Baki pada awal tahun	41,193	104,000
Campur: Pinjaman diberi dalam tahun	-	-
	41,193	104,000
Campur: Faedah yang didebitkan ke akaun untung rugi	2,935	17,287
	44,128	121,287
Tolak: Bayaran dalam tahun	(26,008)	(77,502)
Baki pada akhir tahun	18,120	43,785
Bayaran balik pinjaman yang akan diterima dalam tempoh 12 bulan	18,120	24,756
Bayaran balik pinjaman yang akan diterima dalam tempoh melebihi 12 bulan	-	19,029

Koperasi telah membuat pembiayaan sebanyak RM 104,000 dari Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad bagi menampung kos urusan pembelian tanah GM 2266 Lot 6386 dan Lot 6387 di Mukim Dengkil Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan

Tempoh pembiayaan selama 60 bulan.

Jumlah bayaran balik pinjaman yang akan diterima dalam tempoh 12 bulan	300,023	314,999
Jumlah bayaran balik pinjaman yang akan diterima dalam tempoh melebihi 12 bulan	2,435,127	2,718,400

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

15. PEMIUTANG PERDAGANGAN

	2025	2024
	RM	RM
<u>Pemiutang dagangan:-</u>		
Deposit sewaan	101,662	107,842
	101,662	107,842

16. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2025	2024
	RM	RM
Pelbagai pemiutang	11,745	9,465
Akruan	6,292	5,000
	18,037	14,465

17. KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

	2025	2024
	RM	RM
Baki pada awal tahun	11,500	10,188
Campur: Pindahan dari akaun pembahagian keuntungan	5,557	6,290
	17,057	16,478
Tolak: Bayaran dalam tahun	(11,500)	(4,978)
Baki pada akhir tahun	5,557	11,500

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

18. KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI

	2025 RM	2024 RM
Baki pada awal tahun	5,750	5,094
Campur: Pindahan dari akaun pembahagian keuntungan	<u>2,778</u>	<u>3,145</u>
	8,528	8,239
Tolak: Bayaran dalam tahun	<u>(5,750)</u>	<u>(2,489)</u>
Baki pada akhir tahun	<u><u>2,778</u></u>	<u><u>5,750</u></u>

19. AKAUN DEPOSIT KOPERASI BELUM BAYAR

	2025 RM	2024 RM
Baki pada awal tahun	152,422	111,536
Campur: Pindahan dari akaun pembahagian keuntungan	<u>36,120</u>	<u>40,886</u>
	188,542	152,422
Tolak: Bayaran dalam tahun	<u>(37,173)</u>	<u>-</u>
Baki pada akhir tahun	<u><u>151,369</u></u>	<u><u>152,422</u></u>

20. DIVIDEN

	2025 RM	2024 RM
Baki pada awal tahun	185,187	146,931
Campur: Peruntukan dividen atas modal syer anggota 6.0% (2024: 5.5%)	<u>211,500</u>	<u>185,187</u>
	396,687	332,118
Tolak: Bayaran dalam tahun	<u>(185,187)</u>	<u>(146,931)</u>
Baki pada akhir tahun	<u><u>211,500</u></u>	<u><u>185,187</u></u>

Suruhanjaya Koperasi Malaysia meluluskan peruntukan dividen sebanyak 6.0% atas modal syer anggota

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

21. HONORARIUM

	2025 RM	2024 RM
Baki pada awal tahun	10,000	17,000
Campur: Pindahan dari akaun pembahagian keuntungan	15,000	10,000
	25,000	27,000
Tolak: Bayaran dalam tahun	(10,000)	(17,000)
Baki pada akhir tahun	15,000	10,000

22. PELARASAN OPERASI DAN PELARASAN BUKAN OPERASI

	2025 RM	2024 RM
<i>Pelarasan operasi:</i>		
Pemiutang perdagangan terkurang rekod pada tahun lalu	(8,666)	-
	(8,666)	-
 <i>Pelarasan bukan operasi:</i>		
Dividen atas Modal Syer Anggota terkurang/(terlebih) peruntuk pada tahun lalu	8,095	(27,875)
Perbezaan modal syer anggota	-	(50,000)
	8,095	(77,875)

23. PERBELANJAAN AHLI LEMBAGA

	2025 RM	2024 RM
Elaun setiausaha	-	2,500
Elaun bendahari	-	2,500
	-	5,000

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 Disember 2025

24. BILANGAN KAKITANGAN

Koperasi tidak mempunyai kakitangan yang dibayar gaji pada 31 Disember 2025.

25. PENGELASAN SEMULA DAN ANGKA PERBANDINGAN

Pengelasan semula telah dibuat terhadap penyata kewangan tahun kewangan terdahulu bagi meningkatkan kebolehbandingan dengan penyata kewangan tahun semasa. Sehubungan itu, beberapa butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan telah dipinda. Angka perbandingan telah dikelaskan semula selaras dengan pembentangan tahun semasa.

Angka perbandingan pada 31 Disember 2025 telah dinyatakan semula seperti berikut:

	Dinyatakan sebelum ini RM	Dinyatakan semula RM	Perbezaan RM
ASET BUKAN SEMASA			
Bangunan	4,297,446	-	4,297,446
Pelaburan hartanah	1,856,315	6,269,381	(4,413,066)
	<u>6,153,761</u>	<u>6,269,381</u>	<u>(115,620)</u>
ASET SEMASA			
Belanja bayar dahulu	115,620	-	115,620
	<u>6,269,381</u>	<u>6,269,381</u>	<u>-</u>

AGENDA 5

MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SESI 2026-2027

MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA BAGI SESI 2026-2027

TUJUAN

Kertas ini dibentangkan untuk anggota koperasi memilih empat (4) orang calon bagi menggantikan tiga (3) Anggota Lembaga yang akan mengosongkan jawatan mereka secara automatik seperti yang diperuntukan di dalam Undang- Undang Kecil koperasi dan seorang Anggota Lembaga akan meletak jawatan.

LATAR BELAKANG

- a) Mengikut Undang-Undang Kecil: Fasal 36 (1) – sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir- gilir pada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan. Bilangan Anggota Lembaga adalah 12 orang. **Mana-mana Anggota Lembaga yang digugurkan giliran boleh dicalonkan semula untuk dilantik sebagai Ahli Lembaga Koperasi. Sementara itu, prasyarat anggota yang berhasrat untuk dicalonkan menjadi salah seorang ALK hendak lah telah menjadi anggota secara berterusan tidak kurang dari dua (2) tahun dan mempunyai pegangan syer minimum RM1,000.00 (Ringgit Satu Ribu Sahaja)**
- b) Pada Mesyuarat Agung Tahunan kali ini, empat (4) Anggota Lembaga yang akan mengosongkan jawatan mereka masing-masing adalah seperti berikut : -

Bil	Nama	Jawatan
1	Hj. Gazali Jaafar	Bendahari
2	Dr Ustaz Jamir Md Saad	Anggota Lembaga
3	Muhammad Farahi 'Arif bin Tajul Ariffin	Anggota Lembaga
4	Hamdi Othman	Anggota Lembaga

Terdapat empat (4) kekosongan jawatan Anggota Lembaga Koperasi bagi Sesi 2026-2027.

PENCALONAN OLEH ANGGOTA LEMBAGA

- a) Pada Mesyuarat Anggota Lembaga Ke-6 pada Ahad, 18 Mei 2025, Anggota Lembaga Koperasi telah bersetuju mencalonkan semula empat (4) anggota berikut bagi mengisi kekosongan tersebut.

Bil	Nama	Jawatan
1	Hj. Gazali Jaafar	Anggota Lembaga dicalonkan semula
2	Dr Ustaz Jamir Md Saad	Anggota Lembaga dicalonkan semula
3	Muhammad Farahi 'Arif bin Tajul Ariffin	Anggota Lembaga dicalonkan semula
4	Hamdi Othman	Anggota Lembaga dicalonkan semula

- b) Anggota KOBANGI yang berhasrat untuk mencadang calon bagi jawatan Anggota Lembaga bagi sesi 2026-2027 boleh mengisi **Borang PENCALONAN ANGGOTA LEMBAGA KOBANGI** secara dalam talian Whatsapp Group KOBANGI atau menerusi pautan sesawang www.kobangi.com dan kembalikan **Borang PENCALONAN ANGGOTA LEMBAGA KOBANGI** tersebut melalui <https://kobangi.com/borang-pencalonan-alk-mat30>.
- c) **Borang pencalonan mesti sampai kepada Urusetia pada atau sebelum Ahad 7 Jun 2026 jam 12:00 tengahari.**

KEPUTUSAN PENCALONAN

Tepat jam 12:00 tengahari pada Ahad 7, Jun 2026, tiada Borang Pencalonan diterima oleh Urusetia. Hanya ada empat (4) nama yang dicalonkan oleh Anggota Lembaga Koperasi sesi 2025-2026 seperti berikut:

Bil	Nama	Jawatan
1	Hj. Gazali Jaafar	Anggota Lembaga dicalonkan semula
2	Dr Ustaz Jamir Md Saad	Anggota Lembaga dicalonkan semula
3	Muhammad Farahi 'Arif bin Tajul Ariffin	Anggota Lembaga dicalonkan semula
4	Hamdi Othman	Anggota Lembaga dicalonkan semula

SYOR

Mesyuarat Agung Tahunan adalah diminta mengambil maklum mengenai kedudukan dan tatacara pemilihan Anggota Lembaga seperti diterangkan diatas dan menimbang serta meluluskan pelantikan empat (4) calon ini untuk mengisi kekosongan tersebut.

AGENDA 6

MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2027

ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 HB DISEMBER 2027

PERKARA	SEBENAR 2025 (RM)	KETERANGAN	BELANJAWAN 2026 (RM)	BELANJAWAN 2027 (RM)
PENDAPATAN				
BUTIRAN PENDAPATAN	80.00	FI MASUK	1,000.00	1,000.00
	120,000.00	TERIMAAN SEWA PROJEK 1 - 34, MEDAN PUSAT BANDAR	120,000.00	120,000.00
	74,400.00	PROJEK 2 - 33-G-01	73,080.00	73,080.00
	10,080.00	33-1-1A	9,600.00	9,600.00
	13,860.00	33-1-1B	13,200.00	13,200.00
	66,000.00	PROJEK 3 - G-61 JALAN 8/35	60,000.00	60,000.00
	22,440.00	1-61 JALAN 8/35	20,400.00	20,400.00
	90,000.00	PROJEK 4 - PKNS ANDAMAN 5-09-01	90,000.00	90,000.00
	43,200.00	5-09-02	42,000.00	42,000.00
	26,000.00	5-09-03	20,400.00	20,400.00
	30,000.00	5-09-3A	26,160.00	26,160.00
	15,300.00	BASEMENT	15,000.00	15,000.00
	45,600.00	PROJEK 7 -SOUTHVILLE CITY GROUND FLOOR	45,600.00	45,600.00
	28,400.00	1ST FLOOR	30,000.00	30,000.00
	624.01	HIBAH BANK	1,000.00	1,000.00
	33,332.30	DIVIDEN SYER BANK RAKYAT	25,000.00	25,000.00
	7,991.60	DIVIDEN DEPOSIT TETAP DI TERIMA	9,000.00	9,000.00
	48,678.62	TAMBAHAN SYER ANGGOTA	-	-
	-	REBAT ATAS PINJAMAN	50,000.00	50,000.00
	-	PENDAPATAN PLAN STRATEGIK	120,000.00	217,000.00
	-	JUALAN LOT TANAH		
	675,986.53	JUMLAH PENDAPATAN	771,440.00	868,440.00
PERBELANJAAN	113,376.10	SUSUT NILAI HARTA TETAP	113,000.00	113,000.00
BELANJA OPERAS	40,488.10	CAJ PEMBIAYAAN TERTUNDA :		
	-	A. BIMB	28,000.00	28,000.00
	287.68	B. SKM 1	-	-
	22,722.13	C. SKM 2	-	-
	2,934.76	D.SKM 3	35,000.00	35,000.00
	26,492.72	E. CAJ PEMBIAYAAN - BANK RAKYAT	9,000.00	9,000.00
	-	F. SKM 4 (SOUTHVILLE)	26,500.00	26,500.00
	10,789.91	PERBELANJAAN PLAN STRATEGIK	64,800.00	117,180.00
	-	BELANJA MESYUARAT AGONG	5,000.00	5,000.00
	-	ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT	10,000.00	10,000.00
	-	PERBELANJAAN MESYUARAT ALK	1,000.00	1,000.00
	-	STAFF SEPENUH MASA	39,600.00	43,560.00
	49,779.50	PERUNTUKAN HUTANG RAGU	10,000.00	10,000.00
	25,171.00	HAPUSKIRA HUTANG	-	-
	5,000.00	FI AUDIT SWASTA	5,000.00	5,000.00
	-	BELANJA IKLAN	-	-
	1,024.00	BAYARAN PROFESSIOAL/GUAMAN	-	-
	1,636.00	CUKAI TANAH	3,000.00	3,000.00
	18,842.80	CUKAI TAKSIRAN	11,000.00	11,000.00
	466.00	CUKAI PERKHIDMATAN		
	1,328.25	BELANJA BERKAITAN WEBSITE	-	500.00
	21,100.00	ALATULIS, FOTOSTET DAN PERCETAKAN	500.00	-
	200.00	UPAH KERJA & SAGUHATI	18,000.00	18,000.00
	4,986.35	TUNTUTAN PERJALANAN	-	-
	464.60	UTILITI	1,000.00	1,000.00
	606.50	TELEFON/FAX/INTERNET	6,000.00	6,000.00
	3,600.00	BUKU CEK DAN CAJ BANK	1,000.00	1,000.00
	291.60	KERAIAN	3,000.00	3,000.00
	28,010.08	SEWA PEJABAT	4,000.00	4,000.00
	8,725.37	BELANJA SISTEM PERAKAUNAN	1,000.00	1,000.00
	450.00	PENYELENGGARAAN BANGUNAN/LIF	20,000.00	20,000.00
	701.60	INSURAN RUMAH KEDAI	15,000.00	15,000.00
	-	KURSUS	-	-
	-	BELANJA AM	-	-
	-	BELANJA BAJU KORPORAT	-	-
	-	PERALATAN PEJABAT	-	-
	-	KOS BERKAITAN PEMBELIAN SHOP LOT ANJA	-	-
	389,475.05	JUMLAH PERBELANJAAN	430,400.00	486,740.00
	286,511.48	KEUNTUNGAN/KERUGIAN BERSIH DIPINDAH KE AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN	341,040.00	381,700.00
	675,986.53		771,440.00	868,440.00

AGENDA 7

**MELULUSKAN PERLANTIKAN SATU PANEL
JURUAUDIT LUAR UNTUK MENGAUDIT AKAUN
KOBANGI BAGI TAHUN 2026-2027**

MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL JURUAUDIT LUAR UNTUK MENGAUDIT AKAUN KOBANGI BAGI TAHUN 2026

TUJUAN

Kertas ini adalah untuk mendapat kelulusan daripada anggota berkaitan cadangan pelantikan juruaudit untuk mengaudit akaun KOBANGI bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2026.

LATARBELAKANG

MNZWAJA PLT telah dilantik untuk mengaudit akaun KOBANGI bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025. Tahun lepas adalah tahun pertama bagi mereka mengaudit akaun KOBANGI.

ULASAN LEMBAGA

Mesyuarat Anggota Lembaga Ke-5 pada 19 April 2025 telah bersetuju untuk menyambung perlantikan MNZWAJA PLT mengaudit akaun KOBANGI bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2026.

SYOR

Anggota koperasi dengan hormat nya diminta menimbang dan memutuskan cadangan penyambungan perlantikan MNZWAJA PLT sebagai juruaudit luar KOBANGI untuk tahun 2027.

AGENDA 8

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN RUANG
LINGKUP DAN HAD PELABURAN DARIPADA
WANG LEBIHAN KOPERASI MENGIKUT
SEKSYEN 54 AKTA KOPERASI 1993**

MENIMBANG DAN MELULUSKAN RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG LEBIHAN KOPERASI MENGIKUT SEKSYEN 54 AKTA KOPERASI 1993

TUJUAN

Ini adalah berkenaan proses **pertimbangan dan kelulusan rasmi** berkaitan pelaburan koperasi. Secara terperinci, ia merujuk kepada:

1. **Menimbang dan Meluluskan:** Merujuk kepada tanggungjawab anggota atau lembaga untuk meneliti serta memberi kebenaran rasmi terhadap cadangan kewangan.
2. **Ruang Lingkup dan Had Pelaburan:** Menetapkan bidang atau jenis pelaburan yang dibenarkan serta jumlah maksimum (limit) wang yang boleh dilaburkan bagi mengawal risiko.
3. **Wang Lebihan Koperasi:** Dana yang digunakan adalah daripada keuntungan bersih atau lebihan modal yang tidak digunakan untuk operasi harian.
4. **Seksyen 54 Akta:** Pelaburan ini wajib mematuhi **Seksyen 54 Akta Koperasi 1993**, yang menggariskan jenis instrumen pelaburan yang sah di sisi undang-undang untuk memastikan keselamatan wang anggota.

Ini adalah sebahagian daripada prinsip **Kebebasan dan Autonomi** di mana koperasi berhak menentukan hala tuju kewangannya sendiri mengikut undang-undang yang ditetapkan.

ULASAN LEMBAGA

Ahli Lembaga Koperasi mengambil berat isu ini atas kepercayaan dan sebagai pemegang amanah anggota KOBANGI. Dengan pengalaman dan kepakaran Ahli Lembaga, Ahli Lembaga akan meneliti segala keuntungan dan pelaburan supaya keselamatan wang anggota diutamakan.

SYOR

Ahli Lembaga mensyorkan anggota KOBANGI membenarkan serta menyerahkan tanggungjawab sepenuhnya kepada Ahli Lembaga untuk menggunakan keuntungan bersih dan membuat pelaburan yang sah di sisi undang-undang mematuhi Seksyen 54 Akta Koperasi 1993.

AGENDA 9

MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KEBERHUTANGAN KOPERASI

MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KEBERHUTANGAN KOPERASI

TUJUAN

Ini adalah berkaitan dengan pengurusan liabiliti koperasi:

1. **Kawalan Risiko:** Koperasi perlu menetapkan had paling tinggi bagi jumlah pinjaman atau hutang yang boleh diambil daripada pihak luar.
2. **Kestabilan Kewangan:** Tujuannya adalah untuk memastikan koperasi tidak menanggung beban hutang yang melampau sehingga boleh menjejaskan autonomi atau kelangsungan institusi tersebut.

Ini mencerminkan prinsip **Kebebasan dan Autonomi**, di mana koperasi mempunyai kuasa untuk menguruskan hal ehwal ekonomi sendiri melalui keputusan demokratik anggota, namun tetap tertakluk kepada undang-undang koperasi yang sedia ada.

ULASAN LEMBAGA

Anggota Lembaga bersetuju pada dasarnya mengekalkan had keberhutangan KOBANGI sebanyak RM 10.0 Juta.

SYOR

Adalah disyorkan bahawa tahap keberhutangan dikekalkan maksimum RM 10.0 juta. Mesyuarat Agung Tahunan dengan hormatnya diminta menimbang dan memutuskan cadangan di atas.

AGENDA 10

**MENDENGAR, MENIMBANG ATAU
MEMUTUSKAN APA-APA CADANGAN ATAU
USUL-USUL BERTULIS YANG TELAH
DIBERIKAN KEPADA SETIAUSAHA TIDAK
KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI
SEBELUM MESYUARAT AGUNG IAITU
SEBELUM ATAU PADA AHAD 7 JUN 2026,
JAM 12:00 TENGAHARI.**

Mendengar, Menimbang atau Memutuskan apa-apa cadangan atau usul-usul bertulis yang telah diberikan kepada Setiausaha tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung iaitu sebelum atau pada Ahad 7 Jun 2026, jam 12:00 tengahari.

**BORANG USUL MAT30 KOBANGI
(UNTUK ANGGOTA KOBANGI SAHAJA)**

MASUKKAN NO. KAD PENGENALAN BARU TANPA '-' DAN TEKAN "SEMAK KAD PENGENALAN". JIKA TIDAK BERJAYA, MASUKKAN NO. KAD PENGENALAN LAMA.



NAMA

HAMDY BIN OTHMAN

NOMBOR ANGGOTA

306

	USUL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / PENYELESAIAN
1	Pengasingan modal syer anggota yang meninggal dunia ke akaun khas	Menurut klausa 21(1)(a) UUK KoBangi, anggota terhenti menjadi anggota disebabkan kematian. Oleh itu, cadangan pengasingan modal syer anggota tersebut ke akaun khas sehinggalah tuntutan oleh waris dibuat.
2	Penamatan anggota yang mempunyai modal syer kurang daripada RM500	Menurut klausa 59(1) UUK KoBangi, kadar minimum modal syer anggota adalah RM500, dan berdasarkan Klausa 59(2) (b), anggota yang telah diterima hendaklah mencukupkan modal syer RM500 dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh penerimaan keanggotaannya. Oleh itu, dicadangkan untuk KoBangi memberi tempoh sehingga 31hb Disember 2026, untuk anggota mencukupkan modal syer sekurang-kurangnya RM500, dan sekiranya modal syernya masih kurang daripada jumlah minima, keanggotaan hendaklah ditamatkan.
3		
4		
5		

TARIKH:

Friday, May 29, 2026

BORANG USUL MAT30 KOBANGI
(UNTUK ANGGOTA KOBANGI SAHAJA)

MASUKKAN NO. KAD PENGENALAN BARU TANPA '-' DAN TEKAN "SEMAK KAD PENGENALAN". JIKA TIDAK BERJAYA, MASUKKAN NO. KAD PENGENALAN LAMA.



NAMA

HAMDAN BIN GHAZALI

NOMBOR ANGGOTA

529

	USUL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / PENYELESAIAN
1	Percepatkan MAT supaya Dividen Tahunan dapat diputuskan awal. Sasaran pada bulan April /Mei setiap tahun seperti Bank Rakyat	Bahagian Perakaunan dapat siapkan Akaun tahunan sebelum Februari dan Juruaudit diberi 2 bulan untuk sediakan Laporan Perakaunan pada bulan April. Juruaudit yang dilantik mesti mampu dan boleh memenuhi syarat ini. Ini adalah cadangan penambahbaikan bagi mempercepatkan MAT dan sekaligus dapat mengistiharkan dividen tahunan lebih cepat berbanding tahun- tahun sebelum ini.
2	Jumlah dividen tahunan yang dikreditkan ke dalam Akaun Syer anggota akan dikira dividen pada tahun tersebut walaupun dikreditkan selepas bulan Jun.	Cadangan ini bagi menarik ramai anggota untuk menambah syer mereka dari dividen yang di istiharkan.

TARIKH: Thursday, June 4, 2026

AGENDA 11

MEMBINCANGKAN HAL-HAL LAIN, JIKA ADA.

AGENDA 12

UCAPAN PENANGGUHAN